

06 MAR 2003

Abdullah-Minda/I

RAKYAT MALAYSIA MESTI UBAH MINDA UNTUK CAPAI WAWASAN 2020

PETALING JAYA, 6 Mac (Bernama) -- Malaysia tidak akan dapat merealisasikan Wawasan 2020 kecuali rakyat mengubah pemikiran, sikap dan mental, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata membangunkan Malaysia yang lebih baik bermakna menjadi rakyat Malaysia yang lebih baik dan jika rakyat tidak dapat memenuhi cabaran ini... "kita pasti menjadi rakyat Malaysia yang ketinggalan di belakang".

"Merealisasikan Wawasan 2020 memerlukan kita menggerakkan diri ke arah yang kita tidak pernah bayangkan, ia memerlukan kita untuk menerima kekurangan kita, jujur dan terbuka," katanya dalam ucap-tama bertajuk "Bersaing Untuk Esok" pada ceramah anjuran Oxbridge Society of Malaysia di sini.

Abdullah berkata rakyat Malaysia tidak wajar berselindung di belakang kejayaan jangka pendek atau mementingkan diri, bagaimanapun, mereka patut membina keyakinan bagi membantu negara mencapai wawasan itu.

"Keyakinan boleh disalahguna, apabila kita didorong memasuki zon selesa yang palsu, kita sudah tidak nampak banyak perkara yang perlu dilakukan. Kita patut mengelak daripada mengkaji diri sahaja dan tidak menolak kritikan, kita tidak harus hidup dalam keadaan penafian itu," katanya.

Abdullah berkata wawasan untuk Malaysia ialah wawasan 2020, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1991.

Beliau berkata wawasan itu menggerakkan negara ke arah pembangunan dan kemakmuran dan dalam masa yang sama kemajuan perlu seiring dengan keadilan, nilai dan belas kasihan.

"Wawasan Dr Mahathir sudah menjadi wawasan saya dan wawasan semua rakyat Malaysia. Kita tidak perlu mimpikan yang lain," katanya.

Abdullah berkata Malaysia sudah melihat destinasi tetapi peta jalannya masih lagi membentuk.

"Kita mahu menjadi negara yang maju sepenuhnya tetapi ekonomi global semakin mudah berubah dan tidak dapat diramal. Kita mahu mewujudkan satu bangsa Malaysia tetapi anak-anak kita semakin renggang.

"Kita mahu menjadi masyarakat yang matang dan liberal tetapi tanda-tanda tidak bertoleransi dan pemencilan mula muncul. Kita mahu melahirkan masyarakat saintifik tetapi kita kekal sebagai pengguna dan bukan pereka cipta teknologi," katanya.

Beliau berkata jika Malaysia mahu merealisasikan Wawasan 2020, negara dan rakyat mesti bersaing dan bekerja keras untuk mencapainya.

"Ia akan memerlukan perubahan daripada segi cara kita melakukan sesuatu dan cara kita mengurus negara. Ia memerlukan tahap komitmen yang lebih tinggi daripada setiap lapisan masyarakat.

"Ia memerlukan pengorbanan semula kaum dan keberanian untuk melihat melepasi prisma kaum masing-masing dan yang paling penting, kita perlu berfikir secara berbeza," katanya.

Abdullah berkata walaupun negara sudah merancang Wawasan itu dengan baik, persoalannya sekarang ialah sama ada negara dapat melaksanakan perancangan itu secara berkesan.

Beliau berkata walaupun sudah ada kejayaan, terdapat juga projek yang belum berjalan dan ada sesetengahnya malu untuk disebut.

Abdullah berkata tanda-tanda yang mungkin menjejaskan usaha untuk negara mara ke depan ialah pemilikan infrastruktur berkelas dunia tetapi

mentaliti dunia ketiga.

"Daripada pelaksanaan yang lemah dan pengurusan yang tidak cekap, sehinggalah kepada penyelenggaraan yang kurang bermutu dan perkhidmatan pelanggan yang buruk, Malaysia kini memiliki perkakasan tetapi sedikit perisian," katanya.

Abdullah berkata mentaliti tidak sahaja menjejaskan sektor awam dan swasta malah masyarakat secara amnya.

Beliau berkata sebagai contoh, dalam Laporan Persaingan Dunia 2002, Malaysia berada dalam ranking ketujuh di dunia daripada segi perancangan infrastruktur, tangga ke-13 dalam birokrasi yang menjejaskan perniagaan dan tempat ke-24 daripada segi kepuasan pelanggan.

"Banyak contoh lain yang ramai daripada kita boleh katakan berkaitan mutu perkhidmatan. Dalam ranking berprestij bagi hotel-hotel di Asia, hanya sebuah hotel di Malaysia yang tersenarai daripada 56 hotel tempatan yang dicalonkan," katanya.

Abdullah berkata bagi mengurus sebuah hotel di Malaysia, ahli perniagaan memerlukan kira-kira 64 kelulusan berasingan daripada pelbagai agensi setiap tahun yang "sudah tentu boleh diselaraskan".

"Kami juga menyedari kelewatan yang mengazabkan di Pejabat Tanah, dengan tempoh enam bulan atau lebih yang merupakan perkara biasa bagi mendapatkan kelulusan mudah. Kita boleh bayangkan apa yang ia lakukan kepada kecairan aset-aset peribadi. Dokumentasi pinjaman di Malaysia boleh mengambil masa berbulan-bulan, sedangkan aras tanda antarabangsa diukur mengikut hari," katanya kepada 500 tetamu yang menghadiri ceramah itu.

-- BERNAMA

SR AHH LAT